



26 April 2016  
26 April 2016  
P.U. (A) 111

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN (PINDAAN) 2016

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 April 2016.

**Pindaan peraturan 8**

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2012 [*P.U. (A) 474/2012*] yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dengan menggantikan perenggan 8(1)(c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) suatu permohonan pendaftaran sebagai pengendali pasaran diiktiraf di bawah subseksyen 34(1) Akta;”.

**Pindaan Jadual 2**

3. Bahagian I Jadual 2 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan “kemudahan elektronik” dengan perkataan “pengendali pasaran diiktiraf”; dan

(b) dengan menggantikan butiran “Pendaftaran kemudahan elektronik di bawah subseksyen 34(1) Akta” dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut: